

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud
[Kota Raja]**

TARIKH : RABU, 27 MEI 2015

SOALAN:

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada kajian telah atau sedang dibuat ke atas Kanun Tanah Negara dan adakah Kerajaan bercadang meminda mana-mana fasal dalam akta tersebut untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi rakyat contohnya di dalam isu pembahagian tanah-tanah pusaka atau pembayaran/ pengagihan pampasan kepada pemilik-pemilik apabila Kerajaan mengambil alih tanah daripada pemilik-pemilik untuk tujuan kepentingan awam.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kanun Tanah Negara sememangnya dalam proses pindaan. Namun begitu, isu-isu yang dibangkitkan ini merupakan isu pentadbiran seperti waris yang tidak dapat dikesan, harta pusaka yang tidak dituntut dan sebagainya. Dari sudut pengagihan pampasan, perkara yang sama juga berlaku menyebabkan pampasan tidak dapat diberikan kepada waris-waris yang sah dan terpaksa didepositkan kepada Amanah Raya Berhad.

Kajian terhadap undang-undang pengurusan pembahagian harta pusaka kecil iaitu Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Peraturan-Peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 sentiasa dilaksanakan untuk ditambah baik bagi memenuhi kehendak semasa. Pindaan terhadap Peraturan-Peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian)(Pindaan 2015) kini dalam proses semakan terakhir sebelum diwartakan bagi tujuan memperkemaskan lagi prosedur perundangan sedia ada di samping memendekkan tempoh masa.

Bayaran pampasan kepada pemilik-pemilik tanah akibat pengambilan tanah bagi tujuan kepentingan awam adalah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. Isu pembahagian pampasan tidak timbul kerana semasa siasatan pengambilan tanah dilaksanakan, Pentadbir Tanah telah mengenal pasti pihak berkepentingan yang berhak menerima pampasan. Sekiranya timbul pertikaian berhubung siapa yang layak untuk menerima pampasan dan Pentadbir Tanah tidak dapat memutuskannya, Pentadbir

Tanah hendaklah merujuk perkara tersebut kepada Mahkamah untuk diputuskan.

Sekian, terima kasih.